

SOALAN NO. 229**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN GOOI HSIAO LEUNG
[ALOR SETAR]**

SOALAN :

YB Tuan Gooi Hsiao Leung [Alor Setar] minta PERDANA MENTERI menyatakan senarai penuh projek dan program yang diluluskan dan jumlah yang dibelanjakan untuk setiap projek / program di bawah peruntukan khas kawasan pilihan raya Perdana Menteri untuk Alor Setar dari Januari 2016 hingga Jun 2017.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan Khas Persekutuan yang diluluskan bagi setiap kawasan parlimen Negeri Kedah diurus dan diselaraskan oleh Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Kedah berdasarkan garis panduan dan peraturan yang berkaitan.

Jumlah Peruntukan Khas Persekutuan bagi kawasan Parlimen Alor Setar bagi tahun 2016 dan 2017 adalah seperti berikut:

- | | | |
|----------|---|--|
| (1) 2016 | - | RM3.414 juta untuk 385 projek/program; dan |
| (2) 2017 | - | RM3.419 juta untuk 75 projek/program |

Peruntukan ini diagihkan selepas pertimbangan sewajarnya dibuat berdasarkan kepada keutamaan, keperluan dan kedudukan kewangan semasa Kerajaan. Agihan meliputi pelbagai kategori termasuk sumbangan bagi aktiviti/program, bantuan kebajikan dan kecemasan, pembekalan peralatan dan kelengkapan dan projek-projek kecil.

Sekian, terima kasih.